



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
DISEASE CONTROL DIVISION  
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA  
ARAS 3,4 DAN 6 , BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62590, PUTRAJAYA

Tel : 03-88834527  
Faks : 03-88886270

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami :  
Tarikh : KKM. 100-2/2/3 JLD. 3 (97)  
2 Disember 2020

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah  
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Dato' Dr. Chong Chee Kheong  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

YBhg. Tan Sri,

  
DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG  
(MPK 20477)  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan  
(Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
3/2

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN  
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA  
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**


Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 48/2020 (22 November hingga 28 November 2020) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)**  
Pengaroh Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 48/2020 dari 22 November hingga 28 November 2020)


Pada minggu ke-48, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan sebanyak 70 kes (7.8%) dengan sebanyak 824 kes dilaporkan berbanding 894 kes pada minggu sebelumnya. Jumlah kes mingguan sebanyak 824 kes seminggu ini merupakan jumlah kes terendah yang pernah dilaporkan sejak tahun 2017. Sebanyak tiga (3) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-48. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 86,406 kes berbanding 119,524 kes bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu penurunan 27.7% (33,118 kes) manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 140 kematian berbanding 164 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 iaitu pengurangan 24 kematian (14.6%) **(Lampiran A & C)**.

Pada minggu ke-48, sebanyak 24 lokaliti hotspot dilaporkan berbanding 25 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Majoriti hotspot iaitu sebanyak 87.5% atau 21 lokaliti hotspot dilaporkan dari Negeri Selangor, diikuti dua (2) lokaliti hotspot (8.3%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya dan satu (1) lokaliti hotspot di Negeri Sembilan (4.2%). **(Lampiran B & D)**.

Jangkitan Chikungunya melaporkan sebanyak 22 kes pada minggu ke-48 dengan 10 kes adalah dari Negeri Perak, enam (6) kes dari Negeri Pulau Pinang, empat (4) kes dari Negeri Melaka dan masing-masing satu (1) kes dari Negeri Johor serta Kelantan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 2,475 **(Lampiran E)**. Bagi surveilan Zika, sebanyak 1,746 sampel

darah dan 23 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.


Walaupun kes mingguan Demam Denggi yang dilaporkan terus menunjukkan tren penurunan, masyarakat tidak boleh leka dan alpa. Aktiviti pembersihan persekitaran secara sendiri serta aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan Aedes di premis masing-masing perlu diteruskan. Berdasarkan pemantauan KKM melalui graf kes tahun-tahun sebelumnya, peningkatan kes dijangka berlaku pada akhir tahun sehingga ke tahun hadapan. Oleh itu, setiap lapisan masyarakat perlu bersiap-siaga bagi memastikan persekitaran kediaman, tempat kerja serta premis lain yang biasa dikunjungi seperti surau dan kawasan pusat komersial adalah bersih dan bebas dari pembiakan Aedes. Bagi kawasan yang terjejas akibat banjir, pastikan tiada takungan air di persekitaran rumah atau bubuh bahan pembunuh jentik-jentik di bekas yang sukar dikosongkan. Untuk membunuh nyamuk dewasa yang mungkin infektif, gunakan semburan aerosol di tempat tersembunyi di dalam premis manakala gunakan repelan untuk mencegah gigitan nyamuk. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
**6 Disember 2020**




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 47 dan ke- 48 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 48 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-48 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 48/2020  
(22 November hingga 28 November 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 48/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 48/2019	
		Minggu Epid 48 (22 November – 28 November 2020)		Minggu Epid 47 (15 November – 21 November 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	0	0	80	0	274	0
2	Kedah	1	0	2	0	752	0	1,515	5
3	P. Pinang	17	0	15	0	976	2	3,987	9
4	Perak	7	0	17	0	2,583	3	2,918	4
5	Selangor	377	1	407	0	42,795	37	66,170	52
6	WP KL & Putrajaya	104	0	108	0	10,177	7	14,478	9
7	N. Sembilan	30	0	32	0	2,790	8	2,123	9
8	Melaka	29	0	43	0	2,675	8	1,970	6
9	Johor	161	1	152	1	10,982	42	10,065	27
10	Pahang	40	0	53	0	3,086	8	2,551	8
11	Terengganu	1	0	5	0	380	0	529	3
12	Kelantan	9	0	13	1	3,814	7	5,635	8
13	Sarawak	10	0	8	0	1,462	2	2,349	2
14	Sabah	38	1	39	0	3,848	16	4,924	22
15	WP Labuan	0	0	0	0	6	0	36	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>824</b>	<b>3</b>	<b>894</b>	<b>2</b>	<b>86,406</b>	<b>140</b>	<b>119,524</b>	<b>164</b>

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 48/2020  
(22 November hingga 28 November 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Langat	Jln Impian Makmur Saujana Impian	25	76
2	WPKL	Titiwangsa	Keramat Wangsa (Menara Rajawali, Merak Kayangan, Cenderawasih, Jentayu)	21	65
3	SELANGOR	H/Langat	Apt Sri Ros Tmn Sepakat Indah	10	65
4	SELANGOR	H/Langat	Seksyen 2 Bandar Rinching	10	63
5	SELANGOR	H/Langat	Jln Impian Kasih Saujana Impian	20	54
6	SELANGOR	Petaling	Seksyen 1 (Uitm- Kolej Melati )	13	50
7	N SEMBILAN	Seremban	Taman Arowana Indah	10	48
8	SELANGOR	Petaling	Usj 6/5 - Usj 6/7	5	47
9	SELANGOR	Petaling	Usj 6/2 (Indera Subang Condo)	11	45
10	SELANGOR	H/Langat	Appt Sri Raya Taman Sepakat Indah	11	44
11	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Jaya 3	8	43
12	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 3 Palm Spring Kondo 2 (D,E,F)	11	43
13	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 2 (Jln 2)	10	40
14	SELANGOR	H/Langat	Jln 4/7 Dan 4/9 C,D,E,F Dan H,J,K,M,N,P Sek 4 BB Bangi	10	39
15	SELANGOR	Petaling	Seksyen 9 (Kuarters lpk Selangor)	11	39
16	SELANGOR	H/Langat	Jln Dayang 2,4,6,8,10,12,14,16,18,20,22&24/8 Bdr Mahkota Cheras	8	38
17	SELANGOR	H/Langat	Kem Pga Batu 7 Cheras	13	34
18	WPKL	Kepong	Apartment Sri Murni Fasa 2	7	33
19	SELANGOR	Petaling	Bdr Puteri 9 (Aseana Puteri Kondo) Blok A,B,C	12	33
20	SELANGOR	Petaling	Tmn Kembang Sari	6	33
21	SELANGOR	Petaling	Bdr Puchong Jaya Jln Tempua (La Vista Condo)	10	32
22	SELANGOR	H/Langat	Maktab Pdrm Cheras	16	32
23	SELANGOR	H/Langat	Seksyen 5 Bandar Sri Putra	8	32
24	SELANGOR	Petaling	Sri Pju 1a Kelana Idaman Teres	6	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI  
SEHINGGA MINGGU EPID 48/2020 (29 November 2020)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Kedah	Baling Kota Setar Kuala Muda Kubang Pasu Kulim Pendang Sik Yan	5 3 11 3 45 2 2 3	74
2	P. Pinang	Barat Daya Timur Laut Seberang Perai Utara Seberang Perai Tengah Seberang Perai Selatan	234 812 27 47 9	1,129
3	Perak	Batang Padang Hilir Perak Hulu Perak Kampar Kerian Kinta Kuala Kangsar Larut, Matang & Selama Manjung Muallim Perak Tengah	61 1 4 165 1 592 71 113 13 2 2	1,025
4	Selangor	Hulu Langat Klang Gombak Petaling	11 3 1 2	17
5	WPKL & P	Kepong Titiwangsa	3 1	4
6	Johor	Muar Johor Bahru Segamat	22 3 1	26
7	Pahang	Bera Cameron Highland	1 1	2
8	Kelantan	Bachok Kota Bharu Kuala Krai Machang Tanah Merah Tumpat Pasir Mas Pasir Puteh	5 109 3 3 2 30 3 2	157



9	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
10	Perlis	Kangar	1	1
11	Melaka	Melaka Tengah	35	39
		Jasin	2	
		Alor Gajah	2	
<b>JUMLAH</b>			<b>2,475</b>	